

THE YOUNG UNIVERSITY RANKINGS 2021: UNIMAS berada di 401+ dunia

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH :
PROF DR TARMUJI MASRON

TIMBALAN PENGARAH :
PROF MADYA DR LEE NUNG KION
DR SHARIZAL HASHIM

PENOLONG PENDAFTAR KANAN :
DAYANG MAZINA AWANG BATU
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN :
GUSTINATA BASUAN
ADELINE ANN LUBI

PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN :
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

SETIAUSAHA PEJABAT :
NUR AISHAH JORI

PEMBANTU TADBIR KANAN :
NORISA MOHAMAD SAHARI

PEMBANTU TADBIR :
SITI AFIZAH JAMIL
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

PEMBANTU OPERASI :
ROZAIMI ANIS



Kota Samarahan : Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kini berada pada kedudukan 401+ dunia dalam penarafan edisi terbaharu *Times Higher Education (THE) Young University Rankings 2021*.

Keputusan ini diumumkan oleh pihak *THE* yang berpangkalan di London, United Kingdom pada 23 Jun 2021. *THE Young University Rankings* menyenaraikan universiti terbaik di dunia yang berusia 50 tahun atau lebih muda.

Sebanyak 475 buah universiti dari seluruh dunia berada dalam edisi penarafan pada kali ini, meningkat daripada 414 buah pada tahun 2020. Daripada jumlah tersebut hanya 12 buah universiti di Malaysia yang tersenarai dan UNIMAS berada pada kedudukan ke-10.

Ranking penarafan ini menilai Universiti dari semua aspek misi utamanya iaitu pengajaran (teaching), penyelidikan (research), pemindahan pengetahuan (knowledge transfer) dan pandangan antarabangsa (international outlook) untuk memberi

perbandingan yang paling komprehensif dan seimbang dalam persekitaran sedia ada.

Jadual penarafan dan metodologi yang digunakan adalah berdasarkan kepada 13 petunjuk prestasi yang sama dengan kedudukan utama *THE World University Rankings* tetapi wajarannya telah disesuaikan untuk memberikan reputasi yang lebih rendah.

Dalam analisa yang dikeluarkan, penarafan terkini UNIMAS dalam *ranking* ini walaubagaimanapun mencatat kemerosotan dari tahun sebelumnya yang mana UNIMAS berada di kedudukan *rank range* 351-400.

Dari segi perbandingan dengan Universiti Awam di Malaysia pula menyaksikan UNIMAS berada di kedudukan ke lima selepas UPM, UUM, UTM dan UNiMAP. Walaupun begitu, peningkatan markah penilaian bagi UNIMAS telah dicatatkan untuk dua kategori petunjuk prestasi iaitu *international outlook* dan *teaching* yang masing-masing mencatat 43.8 dan 28.2.

Aspek Pengurusan Risiko Keutamaan Dalam Mencapai Tahap Prestasi Tinggi

Kota Samarahan : Aspek pengurusan risiko harus diutamakan dalam usaha UNIMAS untuk mencapai tahap prestasi yang tinggi dan pematuhan kepada peraturan sedia ada.

Pengurusan risiko yang bersepadu akan dapat mewujudkan satu persekitaran sistem kawalan yang boleh memberi jaminan yang munasabah bahawa UNIMAS berupaya mencapai objektifnya pada tahap risiko yang boleh diterima.

perancangan serta tindakan. Ini penting bagi membolehkan sesebuah organisasi melihat peluang untuk merawat risiko yang telah dikenalpasti terlebih awal.

Sebagai langkah tadbir urus yang terbaik, UNIMAS harus mengurus risiko memandangkan ianya boleh menjadi rintangan atau memberi peluang baharu bagi mencapai objektif UNIMAS dengan lebih berkesan.



Pernyataan Dasar

Staf UNIMAS yang diamanahkan untuk mengurus sumber mempunyai tanggungjawab bagi mengurus risiko ke tahap yang boleh diterima berdasarkan keutamaan dan/atau mengambil peluang yang berpotensi dalam:

i. mencapai objektif PTj, misi dan visi universiti; dan

ii. pelaksanaan program atau projek

dengan mengambil kira faktor kos dan / atau impak ke atas kepentingan operasi, tadbir urus dan strategik universiti.

Dasar dan Tatacara Pengurusan Risiko (DTPR) UNIMAS telah digubal dan diwujudkan sebagai rujukan utama dan panduan kepada semua staf UNIMAS demi memastikan pengurusan risiko dititikberatkan dalam setiap usaha untuk mencapai objektif dan hasrat universiti.

Strategi Baharu Tambahbaik Kualiti Data MyMoheS

Kota Samarahan : Proses penambahbaikan kualiti data MyMoheS sentiasa menjadi keutamaan pihak SQRC selaku Urusetia MyMoheS UNIMAS bagi memastikan data-data Universiti yang disalurkan adalah sah dan boleh digunakan.



Dalam hal ini, SQRC pada 30 Julai 2021 telah mengadakan taklimat dan perbincangan secara intensif bersama-sama Pemilik Data dari CGS, UG, Pra-U, BPPs dan BPSM. Ianya secara khusus berkaitan isu staf dan pelajar yang tiada gambar.

Antara jalan penyelesaian yang dicadangkan adalah penambahbaikan proses kerja bagi memastikan semua staf dan pelajar secara mandatori perlu mengemukakan gambar ketika proses pendaftaran.

Analisa Prestasi H1 2021 SP 2021-2025

Kota Samarahan : Pihak SQRC sedang giat menyediakan rangka pelaporan analisa prestasi separuh tahun pertama (H1) 2021 pencapaian Pelan Strategik UNIMAS 2021-2025.

Beberapa siri perbincangan dalaman SQRC telah dijalankan bagi mengenal-



pasti kaedah dan merangka strategi yang bersesuaian dalam pelaporan yang akan dibentangkan kelak.



Pengurusan risiko perlu dilihat dan diamalkan sebagai satu budaya kerja dalam sesebuah organisasi.

Ini penting bagi memastikan perancangan serta pelaksanaan objektif serta matlamat sesebuah organisasi dilaksanakan secara berkesan.

Pengarah SQRC, Prof Dr Tarmiji Masron menegaskan pengurusan risiko perlu dilihat dari sudut positif, iaitu mengenalpasti sebarang kemungkinan yang boleh melambatkan, menghalang dan menggagalkan sesuatu

JSKU Bil.02/2021 Ke-21 bersidang secara hibrid

Kota Samarahan : Setelah tertangguh beberapa bulan berikutan situasi pandemik Covid-19, mesyuarat Jawatankuasa Strategi dan Kualiti UNIMAS (JSKU) Bil.02/2021 Ke-21 akhirnya telah bersidang pada 21 Julai 2021.

Mesyuarat dengan SOP ketat sepertimana digariskan telah dijalankan secara hibrid dengan sebahagian ahli mesyuarat mengikutinya secara atas talian dan sebahagian lagi di Bilik Mesyuarat SENAT.



JSKU yang dipengerusikan oleh YBhg Naib Canselor merupakan salah satu mesyuarat utama Universiti yang mana SQRC bertindak selaku Urusetia.

Agenda pada kali ini adalah pembentangan laporan pencapaian KPI Pelan Strategik UNIMAS 2021-2025 setakat Julai 2021, laporan kajian semula pengurusan QMS setakat Jun 2021 selain pelaporan keputusan penarafan *Times Higher Education (THE)* dan *QS World University Rankings 2022*.



Tinjauan Kepuasan Pelajar Secara Dalam Talian


Kota Samarahan : Salah satu KPI yang menjadi tumpuan dalam Pelan Strategik 2021-2025 *Strategic Focus 1 - Future Ready Graduates* ialah tahap kepuasan pelajar terhadap perkhidmatan dan fasiliti Universiti.

KPI ini penting bagi mengukur peratusan kepuasan pelajar berdasarkan Indeks Kepuasan Pelajar bagi Pengajaran, Kemudahan dan Perkhidmatan Sokongan.


Pihak Pusat Khidmat Pelajar (PKP) akan menyelaras tinjauan kepuasan pelajar ini secara dalam talian bagi mendapatkan analisa yang diperlukan.

Siri perbincangan antara pasukan petugas yang dilantik iaitu Dr Aida Shafreena bt Ahmad Puad (Timbalan Dekan HEPA, FSTS) dan Prof Madya Dr Noor Alamshah Bolhassan (FSKTM) telah diadakan bersama pihak SQRC dan PKP pada 9 Ogos 2021.

Tinjauan akan dijalankan secara dalam talian bagi kesemua kemudahan dan perkhidmatan sokongan termasuk perkhidmatan pengajaran.



Selamat Ulang Tahun Kelahiran



Kalendar Aktiviti



Julai 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Training ISO/IEC 27001:2013 ISMS Risk Assessment	Bengkel Bersama SIRIM STS @ online	1/7/2021
2	Sesi Taklimat Penyediaan dan Penghantaran Data Penarafan	Ketua Strategi Fakulti	5/7/2021
3	Penghantaran Laporan Kajian Semula Pengurusan ISO 9001:2015	PTj	15/7/2021
4	Mesyuarat JSKU	Bil.02/2021 Ke-21	21/7/2021
5	Penghantaran Data MyMOHES	Modul Staf, RDC & Institusi cod 30.6.21	23/7/2021
6	Perbincangan Penambahbaikan Data MyMoheS	Modul Staf, Pelajar	30/7/2021

Ogos 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Perbincangan KPI (SF1 KPI9)	PKP	9/8/2021
2	Perbincangan Laporan Pengurusan Risiko	Unit Pengurusan Risiko	16/8/2021
3	Audit Dalaman ISO 9001:2015	Mesyuarat Kemasukan Audit (<i>Entrance Audit</i>)	17/8/2021
4	THE WUR 2021 Reputation	<i>Reputation Masterclass</i>	25/8/2021
5	Mesyuarat JK ISMS	Bil.03/2021	27/8/2021